



BERITA UTAMA

BERKENAN BERANGKAT TUNAIKAN SEMBAHYANG SUNAT HARI RAYA

»3



Usaha Memperbaiki, Meningkatkan Mutu Sambutan

Agenda mesyuarat, antara lain membincangkan format sambutan, pengisian atau cara, tema sambutan, tarikh dan tempat mengadakan majlis.



Kutipan Wang Zakat Dalam Talian Meningkat

Hasil kutipan wang zakat fitrah secara dalam talian (online) sejumlah BND 290,007.08 diterima pada tahun ini.

Hasil Rukyah Awal Bulan
Syawal 1443 Hijrah

5

Program Jalinan Ukhudah
Mengerakkan Silaturrahim

13

Peserta Bengkel
Kesempurnaan
Sembahyang Terima Sijil

9

43 Peserta Skim
Bimbingan Lanjutan I
bagi Muallaf Terima Sijil

14

Malam Munajat
KHEU Kali Ke-36
Khas Untuk Wanita

10-11

150 Hadiri Taklimat
Maqashid Syari'ah dalam
Pengurusan dan Pentadbiran

15

Skim Bimbingan Musabaqah
Murattal Al-Qur'an dan
Menghafaz Ayat-ayat Lazim
Beserta Pemahamannya

12

Dahulukan dengan
Takbir dan Tahmid

20



Pembelajaran Secara Bersemuka Bermula

Ujian Pantas Antigen (ART) akan dilaksanakan di sekolah dan pemeriksaan suhu badan semasa kehadiran para pelajar.

6

7

8

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَسَلِّمْ

Ya Allah, Ya Tuhan Kami, limpahkan rahmat ke atas penghulu dan nabi kami Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam nabiMu yang ummi (tidak tahu membaca dan menulis), dan keatas keluarga dan sahabatnya.

ISTIQAMAH MENCARI RAHMAT ALLAH

Ramadhan sudah berlalu pergi dan berganti pula dengan Syawal yang dinantikan seluruh umat Islam. Ibadah puasa di bulan Ramadhan boleh diibaratkan sebagai mendidik jiwa umat Islam sepanjang sebulan berpuasa. Oleh kerana itulah Hari Raya Aidilfitri menjadi tanda kemenangan setelah berjaya mengharungnya. Semoga amalan kita di sepanjang Ramadhan diterima Allah dan menjadikan kita hamba yang lebih baik daripada tahun-tahun yang sebelumnya.

Dalam kemeriahannya kita berhari raya nanti, janganlah kita lupa melaksanakan amalan yang sangat dituntut iaitu berpuasa enam hari di bulan Syawal bermula pada hari kedua Syawal. Adalah lebih afdal puasa enam dikerjakan secara berturut-turut, walau bagaimanapun tidak menjadi kesalahan jika puasa enam itu dilakukan secara berselang hari atau dibuat pada bila-bila masa asalkan di bulan Syawal. Sesungguhnya ganjaran bagi orang yang mengerjakan puasa sunat enam hari di bulan Syawal setelah sebulan berpuasa Ramadhan, pahalanya seolah-olah ia berpuasa sepanjang tahun. Ini dijelaskan di dalam hadits Rasullullah Shallallahu 'alaihi wa sallam yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, bermaksud:

"Dari Abi Ayyub al-Anshari RadhiAllahu 'anhu, ia menceritakan bahawa Rasullullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Barang siapa yang berpuasa pada bulan Ramadhan, kemudian diikuti dengan puasa enam hari pada bulan Syawal, seolah-olah ia berpuasa sepanjang tahun."

Semoga kita tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang hanya beribadah pada waktu tertentu sahaja seperti di bulan Ramadhan dan apabila keluar daripada waktu tersebut, mula mengikut hawa nafsu dan menjadikan syaitan laknatullah sebagai ikutan.

Salam Aidilfitri 1443H

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah •

PENOLONG PENASIHAT: Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah •

KETUA PENERBIT: Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan

Penerbitan • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriyati binti Haji Ahmed, Penolong Ketua

Bahagian Kajian dan Penerbitan [Pemasaran] • **PENYELARAS:** Suriyati binti Haji Ali Hussin •

Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Qairunnisa binti Haji Jalil

• Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zeliyan bin Ahad • Dahlan bin Chchu •

Azizah binti Hidup • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • **PEREKA BENTUK**

KONSEP & SUSUN ATUR LETAK: Mohamad Zeliyan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:**

Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

Lidah Pengarang |



BERKENAN BERANGKAT TUNAIKAN SEMBAYANG SUNAT HARI RAYA

Oleh : Suriyati Haji Ali Hussin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berserta anakanda-anakanda baginda DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan berangkat menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri 1443H.

KIARONG, Isnin, 1 Syawal bersamaan 2 Mei - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bercemar duli bersama rakyat dan penduduk untuk menunaikan Sembahyang Sunat Aidilfitri di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta paduka-paduka anakanda baginda ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib

Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Sejurus jam 7.30 pagi, Pegawai Masjid di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Begawan Mudim Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh menyeru untuk menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri.

Sembahyang sunat diimamkan oleh Pegawai Masjid di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murad.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim semasa membacakan Khutbah Aidilfitri pertama antara lain menyatakan, sudah tiga tahun ms. 4



negara kita menyambut bulan Syawal dalam suasana wabak koronavirus masih menular. Akan tetapi kita sebagai umat Islam tetap sabar dan redha dengan ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu wa Ta'ala ini.

"Sesungguhnya jika kita sabar dan redha terhadap qada' dan qadar yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala, maka kita juga akan memperoleh keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala," jelasnya.

Yang Berhormat menerangkan, selaku umat yang beriman, kita tetap istiqamah berdoa, berzikir, berselawat membaca al-Qur'an, Sembahyang Hajat dan melakukan lain-lain usaha, untuk memohon rahmat Allah Subhanahu wa Ta'ala dan juga bagi mendapatkan perlindungannya dari bahaya wabak yang sedang melanda ini.

"In syaa Allah, kita penuh yakin bahawa Allah Subhanahu wa Ta'ala tidak akan mensia-sikan doa dan munajat kita yang berterusan, istimewa di bulan Syawal yang mubarak ini," katanya.

Yang Berhormat seterusnya menambah, kedatangan Aidilfitri disambut oleh umat Islam di seluruh dunia dengan penuh rasa syukur dan kegembiraan tanpa mengira darjat maupun keturunan sama ada miskin atau kaya, tua ataupun muda.

Dalam pada itu, dalam keceriaan dan kegembiraan kita menyambut Hari Raya Aidilfitri. Kita masih tetap perlu berhati-hati dan jangan pula kita lalai dan leka untuk mengikut dan mematuhi S.O.P garis panduan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Tegasnya, orang ramai adalah diperingatkan supaya sama-sama peka dan mengambil langkah berjaga-jaga dalam melindungi antara satu dengan yang lain, terutamanya bagi individu yang berisiko tinggi seperti warga emas.

"Oleh itu, orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa mengambil langkah berhati-hati dan berada saja di rumah jika berasa kurang sihat," jelasnya lagi.

Sementara dalam Khutbah Aidilfitri kedua pula menjelaskan, bulan Ramadhan telah mendisiplinkan dan mendidik diri kita mengawal hawa nafsu serta menjaga diri kita daripada segala bentuk maksiat seperti maksiat mata, maksiat telinga dan maksiat lidah agar tidak merosakkan ibadat puasa.

Oleh itu, segala didikan yang telah kita peroleh dan yang telah kita lakukan di sepanjang bulan Ramadhan itu hendaklah diteruskan di bulan-bulan yang lain secara istiqamah.

Dalam keseronokan kita meraikan Hari Raya, satu aspek yang tidak kurang pentingnya untuk dihayati ialah menyambut dengan berpada-pada dan bersederhana.

Oleh yang demikian, walaupun kita disunatkan berhias dan bergembira pada Hari Raya, akan tetapi ini bukan bermakna kita boleh berbelanja secara berlebih-lebihan dan melampaui batas sehingga membebankan diri sendiri.

Dalam khutbah juga mengingatkan agar janganlah kita terlalu mengikut kehendak hawa nafsu sehingga menyusahkan diri sendiri dan melakukan pembaziran.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim semasa membacakan Khutbah Aidilfitri.



HASIL RUKYAH AWAL BULAN SYAWAL 1443 HIJRAH

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad

BERAKAS, Ahad, 29 Ramadhan bersamaan 1 Mei – Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei mengumumkan bahawa awal bulan Syawal 1443 Hijrah jatuh pada hari Isnin, 1 Syawal 1443 Hijrah bersamaan 2 Mei 2022 Masihi.

Pengesahan keputusan hasil merukyah anak bulan Syawal itu dimaklumkan kepada Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei oleh Ketua Hakim Syar'ie, bersama dengan kehadiran Ahli-ahli Majlis Ugama Islam Brunei yang bersidang di Bilik Mesyuarat Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama pada hari tersebut.

Pengumuman keputusan hasil merukyah anak bulan Syawal bagi tahun 1443 Hijrah juga telah disiarkan di seluruh negara melalui Radio dan Televisyen Brunei.

Berada di empat lokasi yang telah ditetapkan untuk merukyah (melihat anak bulan Syawal 1443 Hijrah) pada hari tersebut ialah Hakim-hakim Syar'ie dan pegawai-pegawai dari Mahkamah-Mahkamah Syari'ah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri; pegawai-pegawai dari Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri; pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan pegawai-pegawai dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan.



MENTERI Hal Ehwal Ugama bersama ketua hakim syar'ie dan ahli-ahli Majlis Ugama Islam brunei ketika bersidang menunggu hasil rukyah awal bulan Syawal 1443 Hijrah.

Terdahulu sebelum itu acara keagamaan bagi menunggu hasil rukyah awal bulan Syawal 1443 Hijrah telah berlangsung di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis.

Hadir pada acara tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Acara dimulakan dengan persembahan bacaan al-Qur'an oleh Yang Mulia Awang Abd. Aziz bin Noor Nasran, Pelajar Pra U2 Syar'iah di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah. Mengelapai bacaan Tahlil dan Doa Arwah dan seterusnya mengimamkan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah ialah Yang Mulia Awang Haji Azrol Alim bin Haji Zaini, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid. Manakala azan Maghrib dikumandangkan oleh Yang Mulia Awang Razman bin Haji Ramlee, Bilal Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampong Manggis / Madang.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Ugama Islam Brunei, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaiim bin Haji Gafar dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Paduka Haji Abidin.

Juga hadir, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Peguam Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Naib Yang Di-Pertua MUIB dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

USAHA MEMPERBAIKI, MENINGKATKAN MUTU SAMBUTAN

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 1444 Hijrah.

BERAKAS, Khamis, 11 Syawal bersamaan 12 Mei - Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan merupakan mesyuarat tahunan yang sangat bersignifikan sesuai dengan signifikannya hari-hari bersejarah dalam agama Islam, yang ditandai dalam sebagai hari-hari kebesaran peringkat negara, menepati makna dan konteks kita bernegara serta berpemerintahan yang menjunjung tinggi Islam, agama rasmi negara.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan, yang akan diadakan sepanjang Tahun 1444H.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga selaku Penggerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan berkenaan, seterusnya menambah, kerasmian Islam sebagai agama negara itu tidak setakat simbolik.

Menurut Yang Berhormat, ia adalah amalan dan kesannya menjadi kenyataan, bahawa ajaran-ajarannya mencorakkan kehidupan kita, khasnya yang menganutnya serta mengamalkannya dan mendukungnya sebagai agama rasmi negara.

Kerana itulah, jelas Yang Berhormat, pengaruh amalan dan kesan kerasmianya itu sangat ketara di negara kita yang meskipun bersaiz kecil, namun tetap comel serta manis menawan.

Di dalamnya, terang Yang Berhormat, kita sekalian, rakyat dan penduduknya yang beragama Islam serta bukan Islam sama berkehidupan aman dan selamat, di bawah pemerintahan beraja yang adil saksama, bijaksana serta berwawasan.

"Maka alhamdulillah, mesyuarat kita ini adalah sebahagian daripada program kenegaraan, iaitu mensyiarkan Islam dan ajaran-ajarannya. Hal ini telah menjadi rutin, namun sangat penting untuk sentiasa dikembangkan."

Kerana itulah diharapkan dalam mesyuarat ini ahli-ahli sekalian akan memfokus kepada usaha memperbaiki, meningkatkan mutu pelaksanaan Sambutan acara Hari-hari Kebesaran Islam itu. In syaa Allah dengan niat murni semata-mata kerana Allah jua kita sekalian usaha kita akan ditaufiqkan oleh ke arah yang direhdai-Nya," ujar Yang Berhormat lagi.

Agenda mesyuarat, antara lain membincangkan format sambutan, pengisian atur cara, tema sambutan, tarikh dan tempat mengadakan majlis serta perkara-perkara yang berhubung kait dengan Sambutan Majlis Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan, yang akan diadakan sepanjang Tahun 1444H.

Adalah menjadi harapan Pihak Jawatankuasa agar Sambutan Majlis Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan, yang akan diadakan sepanjang tahun 1444H lebih teratur dan sempurna, sambutan diisi dengan acara yang bermanfaat, yang boleh mengasuh serta memupuk semangat cintakan Allah, cintakan rasul-Nya, cintakan agama dan raja dalam kalangan seluruh rakyat serta penduduk, seterusnya menambahkan lagi keimanan kepada umat Islam, khususnya di negara ini.

KUTIPAN WANG ZAKAT DALAM TALIAN MENINGKAT

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



MENTERI Hal Ehwal Ugama bersama wakil-wakil penyelia perkhidmatan kutipan Zakat Fitrah secara online.

BERAKAS, Isnin, 29 Syawal bersamaan 30 Mei - Hasil kutipan wang zakat fitrah secara dalam talian (online) sejumlah BND 290,007.08 diterima pada tahun ini.

Majlis Penyerahan Kutipan Zakat Fitrah secara online, berlangsung di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), di sini.

Kutipan zakat fitrah berkenaan diterima oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Kutipan Zakat Fitrah secara online tersebut diserahkan oleh penyedia-penyedia perkhidmatan berkenaan, iaitu Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) QuickPay, diserahkan oleh Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Dayang Hajah Noraini binti Haji Sulaiman; Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) Zakat Fitrah Online Banking, diserahkan oleh Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim; eZakat Datastream Digital (DST), diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif DST, Radin Sufri bin Radin Basuni; dan Progresif PAY, diserahkan oleh Ketua Pegawai Sumber Manusia Progresif, Awang Mohammad Yazdi bin Haji Yahya.

Turut hadir pada majlis penyerahan tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Naib Yang Dipertua MUIB; Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop; Penolong Setiausaha MUIB; Pemangku Ketua Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat; serta pegawai-pegawai daripada Jabatan Majlis Ugama Islam, BIBD, Perbadanan TAIB, DST dan Progresif Cellular Sdn. Bhd.

Bagi memudahkan orang ramai membuat pembayaran zakat fitrah pada tahun ini, MUIB meneruskan perkhidmatan Zakat Fitrah secara dalam talian dengan mempelbagai pilihan perkhidmatan, sama ada melalui BIBD QuickPay; TAIB Zakat Fitrah Online Banking; eZakat DST; dan Progresif PAY.

Perkhidmatan itu dibukakan kepada orang ramai, bermula 1 Ramadhan 1443 Hijrah dan berakhir pada 28 Ramadan 1443H sebelum waktu Maghrib.

MUIB merupakan sebuah pertubuhan tertinggi di negara ini, yang mempunyai bidang kuasa dalam pengurusan dan pengendalian kutipan serta agihan wang zakat sebagaimana yang termaktub dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-mahkamah Kadi Penggal 77, Pindaan 1984.

Wang zakat yang diterima ini akan diagihkan kepada asnaf zakat yang berhak di Negara Brunei Darussalam, terdiri daripada asnaf fakir, miskin, muallaf, al-Gharimin, 'amil dan ibnu Sabil.

PEMBELAJARAN SECARA BERSEMUKA BERMULA

Oleh : Azizah Hidup

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 14 Mei - Seramai 42,841 pelajar iaitu 5,656 pelajar dari sekolah Arab dan 37,185 murid sekolah ugama mula mengikuti pembelajaran ugama secara bersemuka.

Sesi tersebut adalah bagi semua peringkat termasuk pelajar-pelajar / murid-murid berumur 7 tahun hingga 12 tahun tanpa mengira status vaksinasi mereka yang mengikuti pembelajaran di peringkat rendah dari Tahun 5 hingga Pra U2 bagi sekolah-sekolah Arab dan dari Darjah Pra hingga Darjah VI bagi sekolah-sekolah ugama.

Ini adalah bertepatan dan permulaan penggal kedua persekolahan bagi sekolah-sekolah di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Turut meninjau aktiviti pembukaan sekolah, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato' Sri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kampung Rimba.

Jabatan Pengajian Islam telah menyediakan Pendekatan Pengubhsuaian Keseluruhan Sekolah



TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL UGAMA MENINJAU AKTIVITI PEMBUKAAN SEKOLAH DI SEKOLAH ARAB SULTAN HAJI HASNAL BOLKIAH KAMPUNG RIMBA.

(Whole School Modification Approach) dan garis panduan serta langkah-langkah yang komprehensif bagi sekolah-sekolah melaksanakan pembukaan semula sesi persekolahan.

Ujian Pantas Antigen (ART) akan dilaksanakan di sekolah, pemeriksaan suhu badan semasa kehadiran para pelajar; menyediakan Bilik Pengasingan dan Bilik Pendekatan Sick Bay.

Seterusnya, memantau pelajar-pelajar / murid-murid agar sentiasa memakai sungkup muka, mengamalkan penjarakan fizikal / sosial sepanjang keberadaan mereka di sekolah dan pelaksanaan program kembali semula ke sekolah.



PEMERIKSAAN setiap pelajar yang hadir ke sekolah dengan mengikut S.O.P yang ditetapkan.

PESERTA BENGKEL KESEMPURNAAN SEMBAHYANG TERIMA SIJIL

Oleh : Dahlan Chuchu



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama menyampaikan sijil kepada peserta bengkel.

Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah, Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong dan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil kepada peserta-peserta yang mengikuti bengkel telah diadakan di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, KHEU, Jalan Dewan Majlis dan hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Bengkel Kesempurnaan Sembahyang telah diadakan selama tiga hari berturut-turut iaitu bermula pada 23 hingga 25 Mei 2022 tersebut dengan mematuhi S.O.P yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan.

Bengkel pada kali ini mempunyai sedikit pembaharuan iaitu dilaksanakan di beberapa tempat di kawasan pedalaman yang ditentukan dan juga diselitkan dengan aktiviti atau kegiatan sosial berseuaian yang melibatkan penyertaan masyarakat setempat termasuk masyarakat yang bukan beragama Islam (non-muslim).

Antara tempat-tempatnya ialah Pusat Kegiatan Ugama Kampong Bebuloh, Daerah Brunei Muara, Pos Da'wah Kampong Selapon, Daerah Temburong dan Bintudoh Greenspring, Jalan Bukit Sulang, Kampong Lamunin, Daerah Tutong.

Antara pengisian Bengkel Kesempurnaan Sembahyang menyentuh mengenai 'Kesempurnaan Wudhu' dan Tayammum' serta 'Sembahyang dari Segi Teori dan Praktikal' dan 'Menghalusi Bacaan Surah al-Fatiha' serta 'Sembahyang dalam Keadaan Tertentu Khususnya Pembentangan Kaifiyat Penyempurnaan Jenazah'.

Selain itu, bengkel ini diharap akan berjaya mencapai matlamat dan objektifnya malah dengan pembaharuan pengisian bengkel pada kali ini diharap akan menarik minat peserta-peserta bengkel dan seterusnya akan memperoleh ilmu yang bermanfaat bagi diri, keluarga serta dikongsikan kepada rakan-rakan.



SEBAHAGIAN peserta perempuan ketika menghadiri bengkel berkenaan.



PESERTA-peserta yang mengikuti Bengkel Kesempurnaan Sembahyang.

MALAM MUNAJAT KHEU KALI KE-36 KHAS UNTUK WANITA

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Syawal bersamaan 21 Mei – Malam Munajat pada kali ini melibatkan keseluruhan para pembaca dan peserta terdiri daripada kaum wanita negara ini. Pada kali ini juga melihat penyertaan para pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Pendidikan berserta keluarga masing-masing. Antaranya, pemimpin-pemimpin sekolah; guru-guru sekolah; dan mahasiswa-mahasiswa dari institusi-institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Politeknik Brunei dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE); serta pelajar-pelajar wanita Negara Brunei Darussalam yang berada di luar negara.

Di samping itu, 13 buah persatuan juga mengikuti malam munajat ini secara maya antaranya, ialah Persatuan Pelajar UNISSA; Persatuan Siswazah UNISSA; Persatuan Alumni UNISSA; Mahasiswa UTB; Kelab Nasyidul Islam Politeknik Brunei; dan Kelab Kami Adalah Wawasan Asset Negara [K.A.W.A.N.] Politeknik Brunei.

Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Khas Untuk Wanita pada hari tersebut dimulakan dengan bacaan Sayidul Istighfar dan surah al-Fatihah dipimpin oleh Yang Mulia Datuk Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh, Timbalan Menteri Pendidikan serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan.

Turut menyertai, penyertaan Yang Mulia Datuk Hajah Nahriah Binti Haji Awang Asbi, Isteri Menteri Hal Ehwal Ugama; dan Yang Mulia Dayang Hajah

Jamaiah binti Haji Abd. Manaf, isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Bersama menyertai Malam Munajat tersebut ialah Yang Mulia Dr. Dayang Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan; dan Yang Mulia Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman, Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei.

Acara kemudian diteruskan dengan bacaan surah Yasin beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Dayang Hajah Norfaezah binti Haji Emran, Johan Qariah Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1442H/2021M dari Masjid Kampong Pulaie.

Diikuti dengan bacaan Doa Munajat bagi memohon keampunan dari Allah

Subhanahu wa Ta'ala agar terhindar dari bala bencana serta penyakit merbahaya yang dibacakan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Hadiyati binti Haji Abdul Hadi, Pemangku Ketua Bahagian Pendakwa Syar'ie, Bahagian Pendakwaan Syar'ie, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Acara juga dimuatkan dengan tazkirah bertajuk 'Hati' disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Siti Hanisah binti Haji Othman, Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Memetik isi kandungan daripada tazkirah tersebut antara lain mengatakan hati dibasahi dengan keimanan dan semoga bertambah lagi cinta kita kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Hati bukan sahaja sebuah organ, akan tetapi ianya lebih dari sebuah organ.

Dalam perbualan sehari-hari, jika orang itu baik dikatakan baik hatinya, jika orang itu mudah menangis dikatakan puah hatinya, jika orang itu membuat kerja dengan hati-hati dikatakan sepenuh hatinya. Oleh itu hati bukan sahaja sebuah organ malah hati memainkan perasaan dalam kehidupan.

Bagaimana Islam menyentuh mengenai hati iaitu sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala yang berbunyi "Pada hari tersebut tidak akan memberi manfaat sama ada harta atau keturunan kecuali mereka yang kembali kepada Allah dengan hati yang bersih."

Selesai tazkirah, bacaan Asma'u'l Husna dan Shalawat dipimpin oleh Yang Mulia Dayang Rabiatul Adawiyah@Nurul Mahfuzah binti Haji Mat Jali, Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah Jame' Asr Hassanal Bolkiah dari Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Mulia Dayang Aqilah binti Haji Ayop, Guru Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Malam Munajat mempelawa orang ramai ikut serta beramai-ramai untuk memohon keampunan dari Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan bermunajat, beristighfar, membaca surah Yasin, berzikir dan merafa'kan doa secara serentak agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya, khasnya wabak COVID-19.



SEBAHAGIAN peserta yang mengikuti Malam Munajat Khas bagi wanita.



ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Datin Hajah Nahriah Binti Haji Awang Asbi (gambar tengah) ikut menyertai Malam Munajat khas bagi wanita.

SKIM BIMBINGAN MUSABAQAH MURATTAL AL-QUR'AN DAN MENGHAFAZ AYAT-AYAT LAZIM BESERTA PEMAHAMANNYA

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



TETAMU kehormat menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta skim.

PULAI, Rabu, 18 Syawal bersamaan 19 Mei – Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) telah mengadakan Skim Bimbingan Musabaqah Murattal Al-Qur'an dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim Beserta Pemahamannya selama dua hari bermula pada hari Rabu hingga Khamis, 17 hingga 18 Syawal bersamaan 18 hingga 19 Mei bertempat di Dewan Persidangan dan Bilik Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah.

Sehubungan dengan itu, majlis penutup dan penyampaian sijil telah diadakan di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah selaku Tetamu Kehormat Majlis.

Program ini dilaksanakan sebelum Musabaqah Peringkat Daerah diadakan dan telah disampaikan oleh dua orang fasilitator jemputan iaitu Ustaz Haji Mohamed Noor bin Haji Ibrahim/Brahim, Pegawai Pelajaran, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan bagi Musabaqah Murattal Al-Qur'an dan Dr.



PARA peserta bergambar ramai dengan tetamu kehormat majlis.

Ahmad Baha bin Mokhtar, Pensyarah Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali bagi Menghafaz Ayat-Ayat Lazim Berserta Pemahamannya. Seramai 100 orang telah menghadiri program ini yang terdiri daripada guru-guru Kelas Bimbingan Muallaf dan peserta-peserta dari keempat-empat daerah yang telah berjaya pada sesi Uji Cuba dan melayakkan diri untuk mara ke Musabaqah Peringkat Daerah.

Antara objektif program ini ialah untuk memberi pendedahan kepada para peserta melalui sesi perkongsian pengalaman dari para pembimbing. Di samping itu, meningkatkan pengetahuan para peserta mengenai kaedah-kaedah bacaan dan lagu-lagu al-Qur'an serta memberi fokus terhadap kekuatan dan kelemahan dalam bacaan al-Qur'an.

Program ini diharap akan dapat meningkatkan lagi kefahaman dan pengetahuan para muallaf tentang kaedah pembacaan al-Qur'an yang betul di samping memperkasa para muallaf dalam bidang pembacaan al-Qur'an dan menghafaz ayat-ayat lazim al-Qur'an dan menjadikannya sebagai rutin dan amalan sehari-hari.

PROGRAM JALINAN UKHUWAH MENGERAKTAKAN SILATURRAHIM

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani

SUNGAI LIANG, Khamis, 11

Syawal bersamaan 12 Mei - Dalam meraikan keberkatan dan kemeriahan Aidilfitri, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Sungai Liang, Daerah Belait melaksanakan Program Jalinan Ukhuhah Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut, isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Hadir sama, isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Jamaiah binti Haji Abd. Manaf; isteri Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Siti Norishan binti Haji Gapor; dan isteri Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Dayang Hajah Azizah binti Mohammad.

Program tersebut diisikan dengan bacaan al-Qur'an secara 'murattal', diikuti dengan persembahan puisi, yang bertajuk 'Keyakinanku' dan diakhiri



PROGRAM Jalinan Ukhuhah Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah berlangsung di Masjid Kampong Sungai Liang, Daerah Belait.

Seterusnya bacaan Shalawat Ibrahimiyyah beramai-ramai dan persembahan nasyid, bertajuk Suara Takbir.

Acara diteruskan lagi dengan bacaan Shalawat Tafrijiyah beramai-ramai, diikuti dengan persembahan puisi, yang bertajuk 'Keyakinanku' dan diakhiri dengan bacaan Shalawat Badriyah.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Ketua Imam dan Pegawai Masjid, Masjid Kampong Sungai Liang, Awang Mohd. Zulhilmi bin Mohd. Jefri.

Matlamat program tersebut agar para tenaga pembimbing dari setiap daerah akan bersuai kenal dan beramah mesra serta dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dalam kalangan mereka.

Program ini juga diungkayahkan bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam menyampaikan lagu-lagu da'wah serta bacaan puisi Islam.



MUSLIMAH Masjid ketika membuat persembahan.

Acara tersebut diharap akan memberi peluang kepada para tenaga pembimbing untuk menyertai program-program keagamaan.

43 PESERTA SKIM BIMBINGAN LANJUTAN I BAGI MUALLAF TERIMA SIJIL

Oleh : Azizah Hidup



MAJLIS Penutup dan Penyampaian Sijil Skim Bimbining Lanjutan I Bagi Muallaf Siri Ke-105 (Lelaki).

PULAI, Isnin, 29 Syawal bersamaan 30 Mei - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) mengadakan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Skim Bimbining Lanjutan I bagi Muallaf Siri Ke-105 (Lelaki), bertempat di Dewan Mau'izzah, Bangunan Darul Huda, PDI.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf, Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub, seterusnya menyampaikan sijil-sijil penyertaan.

Seramai 43 peserta lelaki menyertai skim kali ini dari ke empat-empat daerah selama 14 hari, bermula 14 Mei 2022 dan berakhir pada hari ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatiha, dipimpin oleh Awang Mika Fathi Hue @ Hermanto Heu, kemudian majlis diikuti dengan ucapan daripada wakil peserta skim, Awang Muhd. Saiful Dafi bin Muhd. Suhami @ Suanddy bin Suhami.

Seterusnya, penyampaian sijil-sijil penyertaan oleh tetamu kehormat majlis kepada peserta-peserta, diikuti dengan penyampaian hadiah bagi peserta terbaik.

Majlis diakhiri dengan tayangan video suasana dan aktiviti sepanjang skim berkenaan berlangsung dan doa selamat dibacakan oleh Awang Haji Mohd. Abid bin Haji Mat Ali.

Antara objektif skim adalah bagi memberikan bimbining kepada muallaf untuk meningkatkan dan menghalusi lagi ilmu pengetahuan agama Islam, terutama

dalam ibadat sembahyang, aqidah serta akhlak.

Pengisian dalam skim berkenaan, antaranya ialah Tauhid, Fiqh Shalat, Fiqh Haji, Fiqh Munakahat, Tasawuf, Muqaddam, Amali, Sejarah Islam dan Kefahaman Keluarga.

Di samping itu, dalam usaha menjaga serta memelihara kemaslahatan muallaf, PDI juga menyediakan beberapa program bimbining, khusus untuk muallaf, iaitu Bimbining Pengenalan Islam, Bimbining Bergerak, Skim Bimbining Asas, Skim Bimbining Lanjutan I serta Skim Bimbining Lanjutan II.

Para muallaf juga boleh mengikuti Kelas Bimbining Muallaf pada setiap Jumaat bagi Daerah Brunei dan Muara dan bagi Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong mengikut jadual yang disediakan. ■

150 HADIRI TAKLIMAT MAQASHID SYARI'AH DALAM PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



TAKLIMAT Projek Strategik Maqashid Syari'ah dalam Pengurusan dan Pentadbiran Negara Brunei Darussalam.

BERAKAS, Sabtu, 20 Syawal bersamaan 21 Mei – Seramai 150 orang peserta terdiri dari pegawai-pegawai dan kakitangan dari Bahagian I hingga V mewakili semua jabatan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi menghadiri taklimat Projek Strategik Maqasid Syari'ah dalam Pengurusan Dan Pentadbiran Negara Brunei Darussalam anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Unit Muraqib dengan kerjasama Seksyen Pembangunan Sumber Manusia, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat Kementerian Kewangan dan Ekonomi bertempat di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Taklimat disampaikan oleh dua orang fasilitator iaitu Awang Muhammad Yusof bin Haji Abdul Majid, Pegawai Tugas-tugas Tingkat II yang juga Pemangku Ketua Urusetia Unit Muraqib dan Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin, Pegawai Hal Ehwal Masjid.

Antara objektif pemberigaan Projek Strategik Maqasid Syari'ah dalam Pengurusan dan Pentadbiran Negara Brunei Darussalam adalah untuk memberikan

kefahaman dan kesedaran mengenai kepentingan Prinsip Maqasid dalam tadbir urus sesbuah organisasi dan juga kehidupan seharian warga perkhidmatan awam serta mengetengahkan Prinsip Maqasid Syari'ah agar dapat dihayati oleh penjawat-penjawat awam di negara ini dalam kehidupan berugama, beraja dan bernegara dan sebagai peluang untuk bertukar tukar buah fikiran dalam ruang lingkup keberkesanan perlaksanaan kelima-lima unsur Maqasid Syari'ah dalam pengurusan dan pentadbiran di Negara Brunei Darussalam. ■



ANTARA yang hadir pada taklimat tersebut.

Majlis Pengislaman **MEI** 2022



STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2022



مَنْ أَهْتَدَى فَإِنَّمَا يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ وَمَنْ ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضْلُلُ عَلَيْهَا وَلَا تَرِزُّ وَازْرَةٌ
وَزُرَّ أُخْرَى وَمَا كَنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّى نَبْعَثَ رَسُولًا ﴿١٥﴾

Mafhumnya:

Sesiapa yang mendapat petunjuk maka sesungguhnya petunjuk itu adalah untuk dirinya sendiri, dan sesiapa yang sesat maka sesungguhnya (akibat) kesesatannya itu akan menimpa dirinya sendiri. Dan seseorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain dan Kami tidak akan mengazab sesiapa pun sehingga Kami mengutus seorang rasul (yang menjelaskan kepada mereka apa yang menjadi kewajipan dan hak mereka).

Surah al-Isra' ayat 15

| Features |



(Continue from previous)

The Two Shepherds Nabi Musa 'Alaihissalam Met

1. Nabi Musa 'alaihissalam came upon a humble shepherd who was praying. He heard the shepherd say: "O God! Where do you live that I might serve you there? I'd mend your battered shoes and comb your hair, I'd wash your clothes, and kill the lice on your body. I'd milk my goats and offer you a bowl of fresh milk to sip from when you please; I'd kiss your hand and rub your feet and sweep your bedroom clean and keep it neat." He carried on in this deluded way. Nabi Musa 'alaihissalam was incensed that this shepherd was talking to God in such a familiar way, and attributing to God the need for hygiene. He scolded the shepherd and went on his way. But Nabi Musa 'alaihissalam was reprimanded by Allah Subhanahu wa Ta'ala: "Did I send you to separate people from Me, or to unite people with Me?" Allah Subhanahu wa Ta'ala said that each person has his own method of worship that is unique to him or her, and it is between that person and Allah. Nabi Musa 'alaihissalam realised his error and went looking for the shepherd. When he found the shepherd, Nabi Musa saw the

shepher's state of realisation of God in everything, and was humbled by it.

2. Nabi Musa 'alaihissalam saw a shepherd climbing and then rolling down a hill. The shepherd kept repeating this and so Nabi Musa 'alaihissalam asked him: "What are you doing?" "I am praying," said the shepherd. Nabi Musa 'alaihissalam told the shepherd that was not the correct way to pray and proceeded to teach him to pray properly. The shepherd thanked him and tried praying in the way he had just been taught. As Nabi Musa 'alaihissalam who could walk on water, was crossing the lake, the shepherd, who had forgotten what Nabi Musa had told him, came running after him, walking on water, yelling: "Musa! Musa! I forgot how I am supposed to pray." When Nabi Musa 'alaihissalam saw the shepherd running on water behind him, he realised that Allah Subhanahu wa Ta'ala had given him the ability to perform this miracle and so he simply said: "Just continue to pray as you had been doing before. You were doing fine."

Examples of Great Mahabbah for Allah

Sometimes a new convert can have more love for Allah Subhanahu wa Ta'ala than those who have been worshipping Him for years...

The Island Idol Worshipper

Abdul-Wahid bin Zaid narrated: "We were on a sea vessel once, when the wind suddenly became tempestuous, and we were forced to leave the high seas and seek refuge on an island. We were surprised to see that we were not alone on the island: there standing before us was a man who was busy worshipping an idol. We introduced ourselves and then said," "We do not have anyone on our ship that does as you are doing," The man asked, "Then who is it that you worship?" We said, "We worship Allah." He asked, "And who is Allah?" We said, "He Whose Throne is in the Heavens and Whose dominion is in the heavens, the earth, and all that exists." "How did you come to know that?" asked the man. "He sent a Messenger to us with clear proofs and miracles, and it was that Messenger who informed us about Him." "What has happened to your Messenger?" asked the man. "When he finished conveying the message, Allah caused him to die," we answered. "Has he left you no sign?" the man asked. "He has left among us Allah's Book," we said. "Show it to me," requested the man. When we showed him a copy of the Qur'an, he said, "I cannot read it," and so we read a part of it for him. He then cried and said, "The One Whose speech this is must not be disobeyed." Not only did the man then accept Islam, he also assiduously learned its teachings and then put what he learned into practice.

When the weather calmed down and we were ready to leave the island, he asked us if he could be a passenger on our ship. We of course agreed to have him join us, and it was a good thing that he came with us, for it gave us the opportunity to teach him a number of chapters of the Qur'an. At the end of the first evening of travel, all of us crewmen got ready to go to sleep. Our new passenger said, "O people, the Lord that you guided me to, does He sleep?" We said, "He is the Ever Living, the One who sustains and protects all that exists. Neither slumber nor sleep overtake Him." He looked at us and said, "It is indeed bad manners for a slave to sleep in the presence of his master." With a great deal of energy and vigor, he then jumped up and began to pray; and his crying voice could be heard until the morning.

(To be continue...)

Sembahyang Sunat Wudhu'

Fadhilatnya

- Memberi peluang masuk syurga
- Diampunkan dosa-dosa kecil

Sembahyang sunat dua rakaat yang dilakukan setelah mengambil air sembahyang atau berwudhu'.

Terluput waktu mengerjakannya jika terpisah oleh jangka waktu yang lama antara wudhu' dengan sembahyang sunat Wudhu'.



أسماء الابناء

NAMA ANAK LAKI-LAKI

Hanan Hawari

حنان حواري

Belas Kasihan, Kasih Sayang, Sahabat Baik, Penyokong, Penolong

Hassan Shalih

حسان صالح

Sangat Baik, Yang Budi Pekerti

Hifzhi Mutawalli

حفظي متولى

Pemeliharaanku, Perlindunganku, Yang Mengurus, Bertanggungjawab

Nama-Nama
BISAI

untuk anak damit



Daripada Ibnu 'Umar Radhiallahu 'anhuma, Rasullullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya nama-nama yang paling disukai Allah ialah 'Abdullah dan 'Abdur Rahman."

(Riwayat Imam Abu Daud)

أسماء البنات

NAMA ANAK BINI-BINI

Hadibah Bashirah

حادبة بصيرة

Yang Menyayangi Orang Lain,
Yang Melihat, Yang Bijak

Hamidah Syathirah

حميدة شاطرة

Yang Terpuji,
Akhlak Mulia, Yang Cerdik

Hazirah Farhanah

حزيرة فرحانة

Yang Terbaik, Yang Berharga,
Periang, Kegembiraan



'Halal-Haram Makanan'

“Hukum ‘halal-haram makanan’ adalah ia tersendiri, memerlukan orang-orang yang betul-betul tahu dan mengerti apa itu halal dan apa itu haram. Jika mereka tidak tahu atau faham semua ini, bagaimakah boleh dijamin makanan atau hidangan yang dijual itu adalah halal?”

Kita tidaklah mahu Brunei akan jadi seperti tempat-tempat lain, yang sering kedengaran ada yang berlaku penyelewengan atau pelanggaran hukum oleh premis-premis pemakanan dan perdagangan...”

Doa Memohon Keselamatan Keluarga

رَبِّ نَجْنِي وَأَهْلِ مِمَّا يَعْمَلُونَ

Mafhumnya:
Ya Tuhanku, Selamatkanlah aku dan keluargaku (yang beriman) daripada (akibat) perbuatan yang meereka kerjakan.

Surah asy-Syu'araa: 169



DAHULUKAN DENGAN TAKBIR DAN TAHMID

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1443H/2022M.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Syawal bersamaan 1 Mei - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah agar sentiasa bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu wa Ta'alaa, kerana dapat memasuki gerbang Syawal untuk menyambut Aidilfitri yang mulia. 1 Syawal adalah detik istimewa bagi kita umat Islam di mana saja berada. Ia merupakan detik yang sangat ditunggu-tunggu oleh semua.

Baginda tegas orang-orang Islam berhari raya, bukanlah saja-saja seperti bersukaria biasa, tetapi sukaria kita adalah disandarkan kepada kejayaan kita menyempurnakan ibadat puasa. Kerana itu, cara menyambutnya, didahului dengan takbir dan tahmid serta Sembahyang Sunat Aidilfitri sebagai tanda bersyukur kepada-Nya.

"Dalam susah dan senang kita, kita tidak mahu berenggang dengan Allah, tetapi mahu, untuk selama-lamanya bersama dengan Allah. Jika kita mengadu, kita mengadu kepada Allah, dan jika kita memohon, hanya memohon kepada Allah juga." jelas dalam titah baginda.

Menurut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia lagi, Inilah pegangan orang-orang Brunei. Pegangan ini, hendaknya akan terus berkekalan. Sudah masuk tiga tahun menghadapi wabak koronavirus, namun di sepanjang masa tersebut, tetap sahaja tidak berganjak dari terus mendekati Allah.

Pada 19 April, 2022 yang baru lalu, kita umat di negara ini, telah menghampirkan diri kepada Allah melalui munajat "Berselawat Senegara" di masjid-masjid, iaitu satu-satunya pendekatan unik lagi luar biasa yang julung-julung kali pernah diadakan di Negara Brunei Darussalam.

Baginda sangat teruja merakamkan penghargaan, khasnya mereka yang mengambil bahagian, bahkan kepada semua yang berkenaan, tidak terkecuali juga seluruh warga negara yang sama-sama turut mengumandangkan shalawat tersebut, di masjid mahupun tempat-tempat kediaman sendiri.

Baginda berharap, semoga dengan berkat shalawat itu, semua hajat yang baik akan dikabulkan oleh Subhanahu wa Ta'alaa. Yakin dengan janji Allah terhadap orang-orang yang bershalawat pasti akan dipenuhi, berdasarkan, Allah Subhanahu wa Ta'alaa sama sekali tidak memungkiri janji-Nya.

"Namun jangan pula kita lupa, bahawa rahmat Allah itu hanya akan datang apabila persyaratan dapat kita penuhi. Apakah persyaratan itu? Jawabnya ialah firman Allah dalam surah al-A'raaf Ayat 96, tafsirnya:

Sekiranya penduduk sebuah negeri itu beriman dan bertaqwa, nescaya kami bukakan kepada mereka pintu berkat (rezeki dan rahmat) yang melimpah-limpah dari langit dan bumi.

Inilah persyaratan itu, iaitu ada 'dua': Iman dan taqwa. Semoga kita di negara ini dapat memenuhi persyaratan tersebut." Tegas baginda dalam titah perutusan tersebut. ■